



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (Pindaan) 1983

DR.19/1983

Naskhah Sahih—Bahasa Inggeris

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Ordinan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan 1957.

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (Pindaan) 1983. Tajuk ringkas.

2. Ordinan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan 1957 adalah dipinda dengan menggantikan subseksyen (1) seksyen 5 dengan subseksyen (1) yang berikut: Pindaan seksyen 5 (1).
Ord. 44/57.

“(1) All deeds, documents and other instruments requiring the seal of the Corporation shall be sealed with the seal of the Corporation in the presence of—

(a) the Federal Lands Commissioner, or

(b) any officer designated by the Federal Lands Commissioner for the purposes of this subsection by notification in the *Gazette*,

who shall sign every such deed, document or other instrument to which the corporate seal is affixed, and such signing shall be sufficient evidence that the said seal was duly and properly affixed and that the same is the lawful seal of the Corporation.”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda subseksyen (1) seksyen 5 Ordinan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan 1957 untuk memberi kuasa kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan bagi membolehkannya melantik mana-mana pegawai menyaksikan perletakan meterai Perbadanan pada segala suratikatan, dokumen, dan suratcara lain yang menghendaki meterai Perbadanan, dan menandatangani segala suratikatan, dokumen dan suratcara lain sedemikian bagi maksud-maksud subseksyen itu, selain daripada Pesuruhjaya tersebut.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1169.]